

13/09/1997

Infrastruktur, industri diutamakan

Ebi Azly Abdullah

BANK Negara akhirnya berjaya meminta bantuan institusi kewangan untuk meningkatkan projek kebangsaan yang perlu diberi penekanan khas, empat bulan lalu.

Ia berjaya mengawal pinjaman terhadap sektor hartanah dan kegiatan spekulasi yang rancak 'bermain pasaran saham' dan memastikan peminjam kembali kepada asas industri.

Tahun lalu, pembiayaan untuk sektor infrastruktur hanya menyaksikan pertumbuhan pinjaman 27.5 peratus, berbanding peningkatan pinjaman pembinaan kompleks komersil yang meningkat 51.2 peratus.

Sektor infrastruktur dan perindustrian yang dianggap akan menggerakkan pertumbuhan ekonomi diberi penekanan sewajarnya.

Pucuk pimpinan negara mengulangi pendirian mereka bahawa kerajaan komited menyediakan kemudahan yang diperlukan untuk menarik pelabur tertentu.

Malah, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menyatakan tahun lalu, bahawa negara tidak boleh menerima pelaburan besar-besaran tanpa modal infrastruktur asas.

"Projek infrastruktur diperlukan bagi memenuhi keperluan pelabur."

"Tidak ada jalan bagi kita mengelak daripadanya," katanya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz pula berkata, kerajaan sentiasa komited bagi memperbaharui dasar dan sokongan infrastruktur untuk perdagangan dan industri.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida), Tan Sri Zainal Abidin Sulong, baru-baru ini menyatakan pusat perdagangan dan perniagaan berperanan penting menarik pelabur tertentu dengan menyediakan kemudahan dan suasana khas untuk pelabur berteknologi tinggi.

Menurut beliau, Malaysia kini memasuki fasa industrialisasi berasaskan nilai, modal tambahan dan berintensifkan teknologi, selain meningkatkan kemajuan dalam industri berasaskan pengetahuan.

"Dengan proses perindustrian negara memasuki era teknologi baru, infrastruktur dalam Taman Teknologi sedia ada mungkin ketinggalan dan tidak memadai untuk menerima teknologi baru," katanya.

Selaras itu, kerajaan kini memberi keutamaan ke arah pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC), kawasan 15 kali 50 kilometer dari Kuala Lumpur City Centre ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di selatan.

Kerajaan menjemput pelaburan dari sektor teknologi maklumat (IT) dan komunikasi dunia untuk mewujudkan kemudahan penyelidikan bagi membangunkan teknologi multimedia.

Telekom Malaysia diberikan mandat memasang infrastruktur telekomunikasi terancang bagi menghubungkan MSC dengan kawasan lain.

MSC dijangka mewujudkan pulangan berbentuk Lembah Silikon di California dan dijangka meletakkan Malaysia dalam peta dunia teknologi maklumat.

Tetapi apa yang penting ialah perubahan itu dijangka mewujudkan satu paradigma dari bidang pengeluaran ke teknologi maklumat.

Mida juga sedang menarik industri berteknologi tinggi.

Kira-kira RM230 bilion diperlukan untuk 45 projek infrastruktur yang akan membawa Malaysia ke alaf baru.

Projek yang penting, seharusnya KLIA yang berharga RM9 bilion dan Pelabuhan Klang West Port (RM1.2 bilion).

Penganalisis berasaskan sektor kewangan negara mempunyai kapasiti untuk menyediakan pembiayaan jangka panjang untuk projek penswastaan tempatan,

pada kadar yang kompetitif.

(END)